



# **JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

## **PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PENOLONG JURUTERA 2010 AWAM**

**KOD : PTA06**

**SUBJEK : PENYENGGARAAN**

**TARIKH : 12 MEI 2010**

**MASA : 2.00 PTG – 5.00 PTG**

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN  
SEHINGGA DIARAHKAN**

## **ARAHAN KEPADA CALON**

1. Tuliskan angka giliran serta nombor kad pengenalan anda dengan terang pada tiap-tiap helai kertas jawapan yang digunakan. Jangan sekali-kali menulis nama anda pada kertas jawapan. Kertas jawapan yang mengandungi nama calon akan dianggap tidak sah.
2. Pastikan anda mendapat kertas soalan yang lengkap.
3. Jawab dalam Bahasa Malaysia sahaja. Istilah-istilah teknikal yang tiada terjemahannya atau sukar diterjemahkan boleh dikekalkan dalam bahasa asalnya. Jawapan yang tidak mematuhi syarat ini tidak akan diberi markah.
4. Jawab secukup soalan sahaja mengikut arahan dalam kertas soalan. Jawapan bagi soalan lebih tidak akan diberi markah.
5. Semua perkiraan untuk mendapatkan jawapan hendaklah ditunjukkan. Jawapan yang betul tetapi tiada menunjukkan perkiraan tidak akan diberi markah.
6. Calon-calon digalakkan membuat lakaran untuk menjelaskan jawapan mereka di mana sesuai.
7. Calon-calon dilarang merujuk kepada buku atau sebarang bahan rujukan melainkan yang dibenarkan mengikut arahan yang tercatat dalam permulaan kertas soalan.
8. Penggunaan mesin pengira elektronik tanpa kemudahan program adalah dibenarkan melainkan jika dinyatakan sebaliknya di dalam kertas soalan.
9. Bagi subjek peperiksaan di mana masa rehat diberi (misalnya, subjek LUKISAN), calon-calon adalah dilarang membawa kertas soalan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa sehingga keseluruhan peperiksaan untuk subjek berkenaan tamat.
10. Semua kertas jawapan mesti disusun dan diikat dengan sempurna.
11. Calon-calon dilarang mengambil kertas jawapan kosong yang telah disediakan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa.
12. Calon-calon tidak dibenarkan keluar dewan peperiksaan dalam tempoh masa 30 minit dari mulanya peperiksaan.
13. Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon-calon yang menyerahkan kertas jawapan kosong (tanpa sebarang jawapan) sekiranya mereka tidak mempunyai sebab yang menasabah.
14. Calon-calon yang didapati meniru/menipu semasa menduduki peperiksaan akan dikenakan tindakan tatatertib.
15. Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon yang mengingkari arahan Ketua Pengawas semasa di dalam dewan peperiksaan.

**PERKARA : PTA06 – PENYENGGARAAN**

**ARAHAN KEPADA CALON**

Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan  
Jawab mana-mana **lima (5)** soalan sahaja

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

**SOALAN 1**

- a) Pemeriksaan visual terhadap keadaan permukaan jalan amat penting sebelum sesuatu kaedah pembaikan turapan dicadangkan. Apakah perkara-perkara yang perlu diperhatikan semasa melaksanakan pemeriksaan visual terhadap permukaan jalan?

(8 markah)

- b) Terdapat pelbagai jenis keretakan permukaan turapan. Nyatakan **empat (4)** jenis keretakan permukaan turapan dan cadangkan kaedah pembaikan yang sesuai.

(12 markah)

**SOALAN 2**

- a) Berikan definisi frasa-frasa berikut yang digunakan secara meluas dalam penyenggaraan jalan raya.
- Penjuuhan (*bleeding*)
  - Delaminasi (*delamination*)
  - Depresi (*depression*)
  - Rutting
  - Penghausan (*polishing*)

(10 markah)

**SOALAN 2 (sambungan)**


- b) Huraikan kaedah-kaedah pembaikan turapan berikut:
- i) *Mill and pave*
  - ii) *Recycling*
- (10 markah)

**SOALAN 3**

- a) Komponen jambatan dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu komponen utama dan komponen sekunder. Nyatakan tiga (3) contoh komponen bagi setiap kategori ini.
- (6 markah)
- b) Kerosakan pada komponen utama jambatan boleh membahayakan pengguna jalan raya dan menyebabkan jambatan terpaksa ditutup kepada lalulintas. Nyatakan tiga (3) jenis kerosakan yang sering berlaku pada komponen utama struktur jambatan konkrit.
- (6 markah)
- c) Dalam menentukan program penyenggaraan tahunan jambatan, beberapa siri pemeriksaan jambatan perlu dilaksanakan. Siri pemeriksaan jambatan ini dikelaskan kepada empat (4) kategori berdasarkan fungsi pemeriksaan tersebut dijalankan. Jelaskan secara ringkas siri-siri pemeriksaan jambatan berikut:
- i) Pemeriksaan inventori
  - ii) Pemeriksaan keadaan rutin
  - iii) Pemeriksaan pengesahan
  - iv) Pemeriksaan menyeluruh
- (8 markah)

**SOALAN 4**

**Gambar rajah S4** menunjukkan rasuk lantai sebuah rumah. Tebal rasuk tersebut adalah 200 mm manakala tinggi (dalam) rasuk tersebut adalah 400 mm.

**Gambar rajah S4**

- a) Kirakan isipadu konkrit yang diperlukan untuk membina rasuk lantai tersebut.

(6 markah)

- b) Berdasarkan makumat di bawah, dapatkan kos bagi kerja konkrit 1 : 2 : 4 (kadaran mengikut isipadu) bagi membina rasuk lantai tersebut. Konkrit yang disediakan dibancuh dengan tangan.

|       |                              |   |                      |
|-------|------------------------------|---|----------------------|
| i)    | 1 meter padu simen           | = | 28.4 beg             |
| ii)   | Harga 1 bag simen            | = | RM 9.00              |
| iii)  | Harga 1 meter padu pasir     | = | RM16.00              |
| iv)   | Harga 1 meter padu batu baur | = | RM25.00              |
| v)    | Upah buruh 1 hari (8 jam)    | = | RM20.00              |
| vi)   | Kos pembaziran bahan         | = | 50% harga bahan      |
| vii)  | Peratus keuntungan           | = | 10%                  |
| viii) | Angkatap buruh               | = | 2.5 jam / meter padu |

(14 markah)

SOALAN 5

- a) Dalam perlaksanaan kerja-kerja penyenggaraan bangunan, sistem pendaftaran aset perlu dibangunkan. Terangkan kepentingan sistem pendaftaran aset.

(5 markah)

- b) Nyatakan **lima (5)** jenis kerosakan pada struktur bangunan. Nyatakan punca dan kaedah pembaikan bagi setiap jenis kerosakan tersebut.

(15 markah)

SOALAN 6

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan anggaran?

(4 markah)

- b) Nyatakan **empat (4)** faktor yang mempengaruhi sesuatu anggaran?

(8 markah)

- c) Apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan dalam penyediaan anggaran yang lebih tepat?

(8 markah)

SOALAN 7

- a) Apakah unit yang biasa digunakan dalam menyediakan anggaran kos awal bagi perkara-perkara berikut:
- i) Bangunan pejabat
  - ii) Bangunan stor

**SOALAN 7 (sambungan)**

- iii) Bangunan sekolah
- iv) Bangunan masjid/surau
- v) Bangunan hospital
- vi) Bangunan asrama


(6 markah)

b) Apakah yang dimaksudkan dengan keluasan lantai bagi bangunan-bangunan berikut:

- i) Bangunan berdinding
- ii) Bangunan yang tidak mempunyai dinding

(4 markah)

c) Kirakan kuantiti tembok bata dan alas konkrit untuk tiga (3) bilangan tembok penahan seperti yang ditunjukkan pada **gambar rajah S7(c)**. Panjang tembok penahan ialah 12.0 m.



**Gambar rajah S7(c)**

(10 markah)

SOALAN 8

- a) Berikan kaedah penyenggaraan bagi kerja mengecat permukaan lama bahan-bahan berikut:
- i) Kayu
  - ii) Logam
  - iii) Permukaan berlepa/batu
  - iv) *Chipboard*

(20 markah)

SOALAN 9

- a) Nyatakan secara ringkas mengapa pemeriksaan perlu dijalankan ke atas sesuatu cerun.
- (5 markah)
- b) Berikan lima (5) maklumat yang perlu ada didalam panduan penyenggaraan (*maintenance manual*) untuk penyenggaraan cerun.
- (5 markah)
- c) Terangkan dua (2) jenis kegagalan cerun dan kaedah pembaikannya.
- (10 markah)

SOALAN 10

- a) Nyatakan dua (2) jenis kerosakan yang biasa didapati pada struktur jambatan.
- (4 markah)

**SOALAN 10 (sambungan)**

- b) Nyatakan secara ringkas aktiviti operasi penyenggaraan jalan di bawah:
- i) Penyenggaraan tanda jalan
  - ii) Penyenggaraan bahu jalan
  - iii) Penyenggaraan pembetung
  - iv) Penyenggaraan lopak dan lubang

*(16 markah)*

\*\*\*\*\*